

BERITA HARIAN

MINDA PENGARANG

Jabatan Imigresen perlu rombakkan menyeluruh pertingkatkan integriti

BIDANG imigresen kian dinamik dan kompleks dalam senario dunia tanpa sempadan ketika ini. Ledakan globalisasi, diiringi kecanggihan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), khususnya di alam siber dan kelicikan taktik menerobos sempadan antara cabaran baru penguat kuasa imigresen di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Diamanahkan sebagai agensi mengendalikan proses keluar masuk rakyat kita dan warga asing di pintu masuk negara, Jabatan Imigresen turut berdepan ancaman kartel dan sindiket terancang yang terbabit dalam pelbagai jenayah antarabangsa merentasi sempadan negara. Justeru, inisiatif Malaysia bekerjasama dengan United Kingdom dalam bidang imigresen yang diumumkan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, kelmarin dilihat mampu membantu memperkukuhkan lagi pengurusan dan penguatkuasaan Jabatan Imigresen kita. Kerjasama menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) yang akan ditandatangani di ibu negara bulan depan itu, membabitkan pertukaran pelbagai maklumat dan risikan. Sudah pasti, pihak imigresen kita memerlukan maklumat berkaitan pengganas atau ekstremis antarabangsa, kegiatan jenayah termasuk penjenayah kolar putih dan penyaluran wang haram ke luar negara. Pada masa sama, kita dapat memperbaiki operasi imigresen di pintu masuk serta di pos kawalan sempadan, selain mempermudah dan memperkemaskan dokumen serta rekod perjalanan masuk dan keluar dari negara ini. Kita percaya penerbangan dari London ke Kuala Lumpur yang menjadi laluan utama warga dari seluruh dunia ke Malaysia, menuntut pihak imigresen

kunta kinte *original*

MINGGU ini Kunta Kinte nak bincang sikit fasal pendatang asing di negara kita yang Kunta Kinte rasa ada sangkut paut dengan amalan rasuah, salah guna kuasa dan kurang kecekapan.

Kalau pendatang Indonesia, Filipina atau Siam, kita tak berapa hairan sangat. Maklumlah kita berjiran dan dari dulu kala lagi mereka keluar masuk wilayah kita.

Ramai orang kita keturunan Indonesia, Siam dan Filipina dan ramai yang ada saudara mara di sana. Ini taklah menghairankan pasal kita asalnya daripada satu rumpun bangsa, iaitu bangsa Melayu.

Tapi bila Kunta Kinte didatangi peminta sedekah tua dari negeri China, Kunta Kinte hairan. Kunta Kinte tahu mereka dari negeri China sebab bila kita cakap Melayu dengan mereka, haram sepatah pun mereka tak faham.

Lagipun kita boleh cam dan bezakan orang tua Cina Malaysia. Yang Kunta Kinte cakap ni memang mereka nampak lain sungguh daripada orang Cina kita.

Kemudian kita baca berita pelawat China yang masuk ke negara kita atas visa pelajar ditangkap jadi tukang urut, GRC

Rasuah punca pendatang haram



MASALAH kebanyakan pendatang asing tak akan berkesudahan selagi agensi terbabit membenarkan mereka masuk secara rasuah.

melakukan kawalan lebih rapi terhadap setiap individu yang mahu memasuki negara kita. MoU seumpamanya seperti sudah ditandatangani dengan Imigresen Australia dan Belanda sebelum ini, adalah usaha berterusan Jabatan Imigresen meningkatkan kecekapan operasi dan integriti selepas terpalit dengan pendedahan media berhubung penyalahgunaan kuasa serta rasuah dalam kalangan pegawai dan kakitangannya, baru-baru ini.

Menerusi kerjasama ketiga-tiga negara itu, kita dapat melihat impak dan mengenal pasti mana-mana elemen positif yang ada pada mereka untuk diterapkan ke dalam Jabatan Imigresen. Dari sudut lain, sudah tiba masa landskap dasar imigresen dan kawalan sempadan kita dikaji semula atau dilakukan penambahbaikan. Kita harus menyediakan dasar baru, struktur, visi dan fungsi Jabatan Imigresen sejajar kehendak dan keperluan imigresen global. Dasar baru ini perlu komprehensif, termasuk soal akta dan fungsi bertindih antara agensi penguatkuasaan sehingga menjejaskan penguatkuasaan. Isu antarabangsa membabitkan penganas dan kelompok ekstremis, penjenayah kolar putih, sindiket pemerdagangan manusia, kartel penyeludup dadah serta senjata, kegiatan pemalsuan dokumen rasmi agensi kerajaan serta sektor kewangan mahupun pergerakan penjenayah, sebenarnya bergantung kepada ketepatan maklumat dan penguatkuasaan bersepadu. Pendekatan baru ini wajar diteliti keperluannya kerana setiap kegiatan jenayah dan sub-versif antarabangsa kian rencam serta bersilang antara satu sama lain: perlu memudahkan lagi tindakan penguatkuasaan, Jabatan Imigresen juga memperluaskan kerjasama ini melalui MoU sama dengan beberapa negara kritikal lain seperti China, India, Timur Tengah dan Afrika yang ramai warga negaranya di Malaysia, selain menimbulkan masalah imigresen. Jabatan Imigresen juga perlu menjalin kerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang antarabangsa disebabkan Malaysia turut disenarai sebagai pusat transit beberapa kegiatan haram antarabangsa, terutama pengedaran dadah dan ancaman ekstremis.

SIDANG REDAKSI

■ PENGARANG URUSAN KUMPULAN NSTP
Datuk Zainul Arifin Mohammed Isa

■ PENGARANG KUMPULAN BH5B
Datuk Mior Kamarul Shahid

■ TIMBALAN PENGARANG KUMPULAN BH5B
Mahfar Ali

■ PENGARANG EKSEKUTIF
BERITA
Norhayati Md Said

■ PENGARANG EKSEKUTIF
PENGELUARAN
Abdul Razak Rafflis

■ PENGARANG EKSEKUTIF
RENCANA
Zainor Said

Berita Harian diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd. 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.
Tel:03 2282 2323 | Faks:03 2282 2425 | Laman web: www.bharian.com.my | E-mel: bh@bharian.com.my

GRO, pelacur dan macam-macam lagi.

Kunta Kinte rasa mereka ini bukan pelajar, tapi daripada awal lagi adalah tukang urut, GRO dan pelacur. Mereka dibawa masuk oleh sindiket jenayah antarabangsa guna visa pelajar dengan menipu atau menyogok pihak berkuasa kita. Nak belajar macam mana, sepatah haram bahasa Inggeris pun tak tahu?

Syak wasangka dan kemusykilan Kunta Kinte ni sikit sebanyak terjawab bila seorang bekas Timbalan Ketua Pengarah Imigresen yang bernama Yusof Abu Bakar disabitkan 14 kesalahan sambung pas lawatan pelancong China dengan sogokan RM121,500.

Atas kesalahannya itu, Yusof dijatuhkan hukuman penjara 56 tahun dan denda RM620,000. Maaf cakaplah Kunta Kinte terkejut dan dukacita bila hukuman jelnnya dikenakan serentak. Jadi dia hanya masuk jel enam tahun.

Kunta Kinte harap pihak pendakwa raya rayu supaya hukuman jel yang lebih berat dikenakan. Kita kena jadikan hukuman berat sebagai amaran dan ingatan kepada kakitangan kerajaan yang dibagi kuasa dan tanggungjawab supaya jalankan tugas dengan cekap, bersih dan amanah.

Tak guna kita bersungut dan marah pasal ada ramai pendatang asing di negara kita kalau kita sendiri malas dan pilih kerja dan pegawai kita sendiri benar mereka masuk secara rasuah.

Mereka akan datang pasal boleh cari makan di sini. Susah macam mana pun di Malaysia, tak sesusah di negeri mereka. Lebih-lebih lagilah bila pihak berkuasa kita rasuah dan khianat. Satu dunia terpa masuk ke negara kita.

Satu lagi, tangkap dan sumbat penerima rasuah saja tak cukup dan tak adil bila ketua-ketua sindiket yang bagi rasuah tak disentuh sebab mereka kenal orang yang lebih atas.

Satu dunia dah tahu dan banyak dah dilaporkan mengenai sindiket penyeludupan manusia yang dianggotai oleh orang Cina yang panggil 'Snakehead'.

“

Kunta Kinte juga rasa

tak cukup kita sumbat penerima rasuah dalam jel kalau harta yang mereka kumpul secara haram tak dirampas.

Dan tentulah tak selesai masalah penyeludupan manusia ini kalau seorang saja pegawai disumbat ke dalam jel sedangkan ramai lagi anggota penguat kuasa yang rasuah masih bebas”

Dalam bahasa Inggeris, 'Snakehead' adalah ikan haruan. Ikan haruan jaga anaknya bila anaknya kecil. Tapi ia makan anaknya sendiri dan anak ikan lain bila anak itu dah besar.

Sindiket 'Snakehead' ini seludup manusia dari negeri China ke Amerika, Eropah dan Asia. Mereka kenakan bayaran yang tinggi. Jika yang diseludup itu mungkir janji atau tak mampu bayar balik hutang, 'Snakehead' akan peras ugut keluarga mereka di negeri China.

Jadi kita tidak bolehlah berpeluk tubuh kata sindiket jenayah internasional macam ini tidak terbabit seludup warga negara China ke negara kita guna dokumen palsu dan sogok pegawai kita yang jahat dan curang.

Kunta Kinte juga rasa tak cukup kita sumbat penerima rasuah dalam jel kalau harta yang mereka kumpul secara haram tak dirampas.

Dan tentulah tak selesai masalah penyeludupan manusia ini kalau seorang saja pegawai disumbat ke dalam jel sedangkan ramai lagi anggota penguat kuasa yang rasuah masih bebas.

Cakap-cakap

KELMARIN, kerajaan dedahkan dua dokumen bagi membuktikan Datuk Seri Anwar Ibrahim berbohong apabila mendakwa Apco Worldwide terbabit dalam pembentukan konsep One Israel dan 1Malaysia. Tetapi, kita percaya Anwar tetap akan mempertahankan dakwaannya dan terus memesongkan maklumat mengenai isu itu. Sebab itu Mamat sarankan pendedahan mengenai pembohongan Anwar ini dibuat secara berterusan bukan saja menerusi media, tetapi di pelbagai medium terutama dalam perjumpaan dengan rakyat supaya orang ramai tidak mudah diperdayakan pembangkang.

Mamat - mudah lupa jika tak selalu diingatkan



Mamat